

# U-CLOSONE CREAM

Clobetasone Butyrate (0.05% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan U-Closone Cream
2. Bagaimana U-Closone Cream berfungsi
3. Sebelum mengambil U-Closone Cream
4. Cara menggunakan U-Closone Cream
5. Semasa menggunakan U-Closone Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan U-Closone Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang U-Closone Cream. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil U-Closone Cream berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusyikilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan U-Closone Cream

U-Closone Cream digunakan untuk merawat penyakit kulit yang menunjukkan ciri radang /inflamasi. Penyakit kulit ini termasuk semua jenis ekzema dan dermatitis dan tindak balas gigitan serangga.

## Bagaimana U-Closone Cream berfungsi

U-Closone Cream mengandungi Clobetasone Butyrate. Bahan ini tergolong dalam kumpulan steroid

yang dikenali sebagai kortikosteroid yang mempunyai tindakan anti-inflamatori, melegakan gatal-gatal dan pengecutan saluran darah.

## Sebelum menggunakan

U-Closone Cream

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil U-Closone Cream sekiranya:

- Anda alergi (hipersensitif) terhadap Clobetasone Butyrate atau apa-apa bahan daripada ubat ini.
- Anda mempunyai jangkitan virus kulit (contohnya herpes simplex, cacar air), jangkitan kulat, yis atau bakteria (misalnya kandidiasis, *tinea*, *impetigo*), kondisi kulit yang menyebabkan muka merah, Jerawat, ruam di sekeliling mulut dan kegatalan teruk di sekeliling dubur dan genital.

## -Sebelum mengambil U-Closone Cream

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda menyapu krim di bawah pakaian kedap udara, termasuk lampin kanak-kanak, cara ini akan memudahkan penyerapan bahan aktif melalui kulit. Ini boleh menyebabkan penggunaan krim secara berlebihan tanpa disedari.

## *Kehamilan dan penyusuan badan:*

Tiada laporan keselamatan penggunaan semasa mengandung. Steroid topikal tidak boleh digunakan secara meluas ketika hamil, iaitu dalam jumlah yang besar atau untuk tempoh yang berpanjangan.

Ia juga tidak diketahui sama ada penggunaan topikal kortikosteroid boleh menyebabkan penyerapan sistemik yang mencukupi untuk dikesan dalam susu ibu. Walau bagaimanapun, perhatian perlu diberikan apabila kortikosteroid topikal diberikan kepada ibu menyusu.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

## -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan U-Closone Cream

### -Berapa banyak harus digunakan

Sapukan satu lapisan yang nipis pada bahagian kulit yang terjejas sebanyak 4 kali sehari atau sebagaimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

### -Bila perlu digunakan

Sapu sehingga empat kali sehari sehingga keadaan bertambah baik, kemudian kurangkan kekerapan penggunaan.

### -Berapa lama perlu digunakan

Rawatan selalunya tidak melebihi 7 hari.

### -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatnya dan teruskan rawatan seperti biasa.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Penggunaan kortikosteroid boleh diserap ke dalam kulit dalam jumlah yang mencukupi untuk menghasilkan kesan sistemik seperti penindasan pada kelenjar adrenal, manifestasi sindrom Cushing, peningkatan paras gula dalam darah dan kehadiran gula dalam air kencing.

Jika didapati berlaku penindasan pada kelenjar adrenal, hentikan penggunaan, kurangkan kekerapan sapuan atau gunakan steroid yang lebih lemah untuk rawatan.

Jika anda mengesyaki anda menggunakan ubat ini secara berlebihan, rujuk kepada doktor

# U-CLOSONE CREAM

Clobetasone Butyrate (0.05% w/w)

atau ahli farmasi anda. Bawa sebarang baki ubat bersama anda.

## Semasa menggunakan

### U-Closone Cream

#### -Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan memulakan penggunaan ubat baru, maklumkan ahli farmasi atau doktor yang anda sedang menggunakan U-Closone Cream.

#### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disarankan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

#### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Rawatan yang sesuai perlu diberikan pada jangkitan. Jika jangkitan tidak bertambah baik, rawatan dengan kortikosteroid perlu dihentikan sehingga jangkitan telah dapat dikawal.

Perhatian khas perlu diambil apabila merawat bayi dan kanak-kanak. Ini kerana penyerapan sistemik boleh berlaku dan menyebabkan pertumbuhan terencat. Pada bayi dan kanak-kanak, penggunaan jangka panjang secara berterusan harus dielakkan kerana penindasan adrenal boleh berlaku tanpa disedari. Oleh itu, langkah berjaga-jaga perlu diambil semasa rawatan yang berpanjangan, apabila merawat kawasan permukaan badan yang luas, dan apabila merawat kanak-kanak (kerana nisbah kawasan permukaan kulit kepada berat badan yang lebih besar).

Langkah berjaga-jaga juga perlu diambil apabila merawat dermatitis stasis dan penyakit kulit yang lain disebabkan peredaran darah yang terjejas.

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan, alahan atau reaksi lain dan rujuk kepada doktor. Gunakan dengan berhati-hati jika digunakan pada kelopak mata

kerana glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata) mungkin berlaku.

Penggunaan berpanjangan pada muka harus dielakkan. Penggunaan berterusan juga harus dielakkan. Jangan gunakan di dalam atau di sekitar mata.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, U-Closone Cream boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan, walaubagaimanapun bukan semua individu akan mengalaminya.

Kesan sampingan seperti rasa pedih, gatal-gatal, kerengsaan, kekeringan, radang pada folikel rambut di permukaan kulit, pertumbuhan bulu yang berlebihan, erupsi jerawat, warna kulit berubah menjadi cerah, kulit menjadi lembut dan senang pecah, jangkitan sekunder, penipisan pada kulit, tanda regangan dan ruam panas pernah dilaporkan.

Penggunaan kortikosteroid dalam dos yang tinggi boleh menghasilkan gejala aktiviti kelenjar adrenal yang rendah dengan muka bulan, juga dengan pertumbuhan rambut yang berlebihan pada muka dan tubuh perempuan, pengumpulan lemak pada bahagian belakang badan di antara bahu, Kulit kemerahan, yang mana boleh menyebabkan sindrom *Cushing* terjadi.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan U-CLOSONE CREAM

### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan bekas dalam keadaan tertutup rapi. Simpan di tempat terlindung daripada cahaya. Untuk kegunaan luar sahaja. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna

U-Closone Cream adalah krim berwarna putih.

U-Closone Cream boleh didapati dalam tiub aluminium 5g, 15g dan 100g.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:

Setiap tiub mengandungi Clobetasone Butyrate 0.05% w/w.

-Bahan-bahan tidak aktif:

Chlorocresol, Dimethicone, Glyceryl Monostearate PEG-100 Stearate, Glycerin, Cetostearyl Alcohol, Glyceryl Monostearate, Sodium Citrate, Purified Water.

### -Nombor MAL:

MAL20020807AZ

## Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

# U-CLOSONE CREAM

Clobetasone Butyrate (0.05% w/w)

---

**Pemegang Pendaftaran Produk:**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

-19/11/2015

**Nombor siri**

BPFK (R4/1)181115/00432